

Beberapa Aturan Adat .

Luak Jemrol

Beberapa Aturan Adat

Luak Jempol

Adat Mengempang Ada Alahannya

Adat yang sebenarnya tidak boleh menyusahkan penganutnya. Apatah lagi memporak perandakan. Tiap-tiap ketua-ketua adat diwajibkan mengetahui selok belok adat perpateh dengan luasnya supaya jangan disalah gunakan. Yang adat bersendi hukum, hukum bersendi katabullah, benar yang empat tidak boleh ditinggalkan iaitu benar awak benar dek orang, benar dek adat benar syarak, adat mencari jalan baik, syarak menyuruh berbuat baik. Adat mengempang satu-satu perkara itu ada alahannya mengikut kehendak syarak. Jadi perkara ini banyak diselewang oleh ketua-ketua adat dimasa kini. Jadi menyusahkan penganut-penganut adat perpateh, entahnya tak tahu atau saja-saja buat tak tahu. Alahan adat umpamanya adat mengempang nikah sewaris untuk mencari jalan baik tetapi syarak menyuruh berbuat baik kerana yang bukan muhrimnya wajib dinikahkan. Adat mengalah alahannya bagi pengantin laki-laki dijadikan orang semenda. Dalam adat perempuan tinggal diwaris asalnya sebab sayang aur serumpun, dibuang pinang sebatang. Kata adat itu pun buat sementara. Kalau dia bercerai berbalak dia kepada buapaknya seperti biasa.

Ini yang dikatakan dalam adat biar mati anak jangan mati adat. Yang dikatakan anak dalam adat ialah kesalahan waris pada Undang. Untuk mengokohi adat timbang salahnya ialah setepak sirih, boko 2 buah, soko, pesaka dan wang sebahara dibawa ke balai Undang. Yang kedua pesaka lembaga yang tidak boleh dijual beli seperti berniaga ayam dan bekerja beranau misalnya dan kerja memotong getah sebab dipandang dari segi adat kerja ini daif tetapi syarak meluluskan sebab kerja ini halal. Bagi syarak jadi alahan bagi adat semasa menggunakan pesaka lembaga umpamanya masa kenduri kendara atau mengalih nama tanah adat tidak boleh disambulkan. Umpamanya sambil berniaga bawa ayam. Yang ketiga pembahagian tanah pusaka adat yang bercap Costemary Land kepada anak perempuan sahaja. Ini telah dirundingkan lebih awal lagi semasa Datok Perpateh masa ada lagi. Diantara dua ahli ada dan dua ahli syarak sebab Datok mengenangkan jasa anakbuah yang menggalangkan batang tubuhnya dimasa perلancarannya dahulu dengan terjejasap ceritanya ada dipangkal hendak dijadikan adat. Ahli syarak menyangkal sebab hukum Islam tiap-tiap harta pesaka hukum firaid bah lebih pada laki-laki.

Ahli adat mencari jalan untuk berbuat baik, syarak suruh berbuat baik ahli adat berunding sesama sendiri kemudian dikemukakan kepada ahli syarak. Kata ahli adat berunding sebelum dilakukan pengagihan sebab dalam perbilangan adat perpateh anak dipanggil makan, anakbuah disorong ke balas. Memelihara kaum yang lemah inilah kata adat jejak pesaka atas soko, jajak soko atas harta, soko yang punya orang semenda yang jaga, orang ke awak, awak ke orang. Itulah fasal berunding muafakat lebih dahulu. Bagi pihak laki-laki yang terlibat firaid itu memulangkan kepada soko, gunanya tempat saudara laki-laki berangguk semasa berlaku perselisihan atau bercerai diantara laki bini. Hak milik bersama boleh dijual, digadaikan jikalau mayat terbujur atau saudara terperangkap dirumah orang. Bermakna merumah atau salah-salahan kalau tidak dapat jalan lain inilah alasan adat.

JAWATANKUASA PENYELIDIKAN BUDAYA N.S.

Maka ahli sanak pun bersetuju sebab ada perundingan dan dan lafaz ikral masing-masing. Dbolehkan oleh sanak itulah titisannya sampai sekarang. bukannya semua tamak. Jadi begitu hanya yang ber-cap demikian saja tanah carian tak termasuk atau tanah bawaan atau tanah dapatan yang lain daripada itu. Ada cerita lain dalam adat. Hal inilah yang selalu dipertikaikan sebab tidak mengetahui selok belok adat perpateh sebenarnya.

Yang Salah Di Hukum Yang Benar Di Sanjong

Yang sebenar Adat Perpateh dari dulu lagi tidak menyusahkan penganutnya bahkan bertimbang rasa sederhana segalanya. Bak kata adat tangan kiri, tangan kanan lagi berpaukan, kononlah sesama manusia kita tak sunyi daripada silap dan salah, salah dalam adat. Salah orang semenda pada tempat menyemda, sireh sepeminang, duit sembilan puluh sen, susun jari sepuluh, salah anak buah pada besar pesaka kelengkapanya serupa buapak duitnya tujuh ringgit. Salah anak buah pada Lembaga kelengkapanya serupa duitnya tujuh ringgit dua puluh sen. Salah anak buah pada Penghulu Luak setepak sirih duitnya empat belas ringgit. Salah anak buah pada Undang, satu tepak sirih duitnya dua puluh lapan ringgit. Salah rakyat pada Raja satu tepak sirih bungkus kain kuning, duitnya lima puluh lapan ringgit enam puluh sen.

Hukuman seekor kambing dan kerbau dan seekor ayam pun adat tak menggalakkan. Sarak tak menyuruh, sarak mengatakan sebenar salah serengan adat sebabnya hukuman begini kata sarak banyak buruknya daripada baik.

Tatatertib dalam Adat

Dalam perbilangan adat perpateh tiada seorang pun yang terbuang bak kata adat yang kecil dikasihi sama besar teman berunding, yang cerdik pandai tempat bertanya, yang tua disayangi, yang bodoh disuruh diarah, yang cerdik teman berunding, yang buta penghembus lesong, yang pekak pembakar bedil, yang lumpur penunggu jemuran, yang berada minta ringgitnya, yang alim minta doanya, tertib kanak-kanak pada pada orang tua-tua, pada yang beradat kalau salah ditegur sapa, duduk dalam beradat, tangan digengam silang diatas sila, bila bercakap kaki tangan diatas sela kiri, tangan kanan diatas tangan kiri. Bila menjawab cakap orang ditukar kaki kiri keatas kaki kanan, tangan kiri diatas genggam tangan kanan. Cara rakyat mengadap raja ialah angkat dua tangan rapatkan menjunjung duli paras kening. Mengadap Undang Yang Empat mengangkat tangan paras hidung. Mengadap penghulu luak angkat tangan paras dagu. Mengadap Lembaga gengan dua tangan angkat paras dada. Mengadap besar dan buapak dengan hormat saja. Adap budak-budak, pada orang gedang, adat orang gedang pada orang tua, adap orang semenda pada tempat semenda dengan hormatnya.

Bagi Menjawab Cakap Orang

Adalah bagi saya ini bak perbilangan orang tua-tua, kok umur baru belukar, muda darah belum setampok pinang, umur belum setahun jagung, permandang belum luas perjalanan belum jauh, bercakap pun belum teratur. Tapi sebab orang dah meningkah saya terpaksa membolong orang rentak tiga, saya rentak saja. Bak kata orang tua-tua selilit pulau perahu sepelembang, tanah Melayu sealam Minangkabau, sejenis mana tok sejaman, besi berdenching puntung berasap, datoknya bujang neneknya gadis, kok langit belum bernama langit, langit bernama payung negeri, kok bumi belum bernama bumi, bumi bernama kersi negeri sejaman mana tok, sejaman besi berdenching puntung berasap, sehelai akar nan putus, sebingkah tanah nan terbalek, sebatang anak kayu nan rebah, kok rimbonya raya, lautnya lepas, bertikam daun lerek, berbantakan bane durian tok sembah pada datok. Kemudian daripada itu kok rimba dah jadi belukar, kok belukar dah jadi padang, kok padang dah jadi sawah dan lalang, kok sawah pun dah berlopak, kampung dah bersudut, kok nyior pun dah saka, kok pinang pun dah bayu, orang pun dah ramai, negeri pun dah sentosa maka adat pun didirikan sarak pun dilazimkan, adat daripada nabi, turasan adat daripada nan tua tok sembah pada datok.

Kemudian daripada itu kok alam beraja luak berpenghulu, suku berlembaga, anak buah berbuapak maka bersuku-suku pulak, dua belas Muar, dua belas Jempol, aman Terachi, anam Gunung Pasir, adatnya satu pesaka datar, berumpok sorang satu berhak masing-masing, hak orang jangan diambil, hak awak jangan diberikan tok sembah pada datok. Bak kata orang tua-tua beruang bak durian, berlopak bak sawah. Kemudian daripada itu mana ruangnya dan mana lopak nya, bak orang tua-tua, orang semenda bertempat semenda, perbilangan orang semenda disuruhnya pergi dipanggil datang, dek tempat semenda maka saya ini disuruh tempat semenda menerima cincin tanda meminang anak buah sianu kerana sebab anak buah sianu ataupun menerima adat pesaka ini bolehlah dipakai orang semenda dan tempat semenda dalam penerimaan adat yang tersebut diatas.